

Cagamas terbit ICP RM500j

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Perbadanan gadai janji negara, Cagamas Bhd. (Cagamas), mengumumkan terbitan kertas-kertas komersial secara Islam (ICP) selama tiga bulan bernilai RM500 juta.

Terbitan ICP telah dikemukakan di bawah struktur komoditi Islam Murabahah dan hasil terbitan itu akan digunakan untuk dana pembelian pembiayaan Islam dari sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong berkata, walaupun sentimen pasaran kekal dalam suasana berhati-hati, ICP kami masih menerima permintaan kuatkuh daripada para pelabur iaitu dua kali terlebih langganan.

Katanya, para pelabur amat yakin dengan profail kredit Ca-

gamas yang terbukti sebagai mana kertas-kertas terbitan telah diambil sepenuhnya pada harga yang kompetitif walaupun pada pasaran yang tidak menentu.

"Terbitan baharu ICP akan membawa Cagamas kepada terbitan keseluruhan yang berjumlah RM3 bilion bagi tahun ini, lapan peratus lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lalu," jelasnya.

Cagamas telah dibentuk pada 1986 bagi mempromosi pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia.

Tambah Chee Leong, ICP yang akan ditebus pada nilai penuh nominal pada waktu matang nanti, merupakan kewajipan tidak bercagar syarikat.